

Pengarah agensi penguat kuasa direman SPRM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Seorang pengarah agensi penguat kuasa direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes rasuah berhubung kelulusan dan pengecualian khas kepada beberapa syarikat untuk membawa minyak gred berat di perairan Malaysia.

Turut direman seorang pengarah syarikat yang didakwa mempunyai kaitan dengan skandal berkenaan.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berusia antara 50 dan 60 tahun itu ditahan di Ibu pejabat SPRM di sini antara pukul 9 hingga 12 malam kelmarin selepas hadir memberi keterangan.

Difahamkan, pengarah agensi kerajaan tersebut disyaki menerima suapan secara bulanan antara tahun lalu hingga tahun ini.

Suapan itu diterima daripada pengurus syarikat perkapalan sebagai balasan tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kapal yang menjalankan aktiviti pengisian minyak di perairan negara ini.

Terdahulu, pengarah agensi penguat kuasa tersebut direman



TUJUH individu dihadapkan ke mahkamah untuk dua permohonan reman, dua sambung reman dan tiga perintah dibebaskan berhubung siasatan kes skandal minyak gred berat di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

selama empat hari manakala pengarah syarikat itu direman lima hari bagi membantu siasatan.

Perintah reman sehingga 18 dan 19 Disember ini itu dikeluarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini selepas pihak SPRM membuat permohonan

tersebut semalam.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009,” jelas sumber.

Sementara itu dalam kes berkaitan, seorang timbalan ketua pengarah sebuah agensi kerajaan bergelar ‘Datuk’ yang direman Jumaat lalu, disambung reman sela-

ma tiga hari lagi sehingga 18 Disember ini.

Pada masa sama, empat daripada suspek termasuk Setiausaha Bahagian dan pengarah syarikat bergelar ‘Datuk Seri’ yang turut direman pada tarikh sama dilepaskan dengan wang jaminan antara RM9,000 hingga RM15,000.